

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti & Acara
Sent: Sunday, April 15, 2018 9:12 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Nurhazani Bt Mohd Shariff; Johan Afendi Bin Ibrahim; Ahmad Edwin bin Mohamed; Yus Asma Bt Yusoff
Subject: "Dapoq Hangat Chef Wan"



PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN
PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA
SCHOOL OF TOURISM, HOSPITALITY
AND EVENT MANAGEMENT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato' /Datin/Prof/Dr./Tuan/Puan



Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM) dengan dibantu oleh para pelajar Persatuan Hospitaliti, UUM telah menganjurkan satu program bual bicara serta demonstrasi masakan pada 10 April 2018 (Selasa) bertempat di Auditorium SOIS, UUM. Program ini dikendalikan oleh Pensyarah bidang Hospitaliti iaitu En. Muhammad Fauzi Mokhtar dan Chef selebriti yang juga merupakan Profesor Adjung STHEM iaitu Datuk (Dr.) Redzuawan Ismail atau lebih mesra dikenali dengan nama Chef Wan.

Program yang diberikan nama "DAPOQ HANGAT CHEF WAN" tersebut telah membuka peluang kepada para peserta untuk menimba ilmu serta dapat mendengar perkongsian pengalaman dari Chef Wan sendiri yang mana beliau dijadikan idola dalam bidang kulinari dan kehidupan.

Antara lain objektif program ini adalah sebagai usahasama antara pihak STHM dan Profesor Adjung Pusat Pengajian dalam berkongsi ilmu dan pengalaman bersama Chef Wan dan para peserta sepanjang karier beliau dalam bidang seni kulinari. Selain itu, program ini telah juga berjaya memberi pendedahan kepada para peserta mengenai keunikan bidang kulinari dan peluang cabang pekerjaan yang lebih meluas yang berkaitan dalam bidang ini.

Program ini telah juga dapat merapatkan hubungan Pusat Pengajian dengan Institusi Pengajian Tinggi serta Sekolah Vokasional yang berdekatan dalam konteks perkongsian ilmu dan bidang kepakaran dengan kehadiran pelajar-pelajar dari Sekolah Vokasional di sekitar daerah Kubang Pasu dan Arau. Secara tidak langsung juga, program ini telah dapat sedikit sebanyak menjana pendapatan Pusat Pengajian. Walaupun program tersebut berlangsung hampir tiga jam, namun ramai yang menunggu sehingga melewati penghujung program untuk mengambil peluang bergambar dengan selebriti kesayangan ramai itu.

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN ACARA

College of Law, Government & International Studies
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.